

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 10 TAHUN 2017

KADAR PREMIUM BAGI TANAH KERAJAAN NEGERI YANG DIBERI MILIK KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 15/2017 yang bersidang pada 19 Julai 2017 melalui Kertas Bil. 15/2017/D 13 (108) telah membuat keputusan mengenai kadar premium dan nilai harga pasaran sebagaimana berikut:-

A) Kadar Premium

- i. Premium tanah bagi tanah kerajaan, termasuk tanah kerajaan yang telah dirizab untuk kegunaan Persekutuan dengan kadar tidak kurang **Sembilan Puluh Peratus (90%) daripada nilai harga pasaran semasa** bagi semua jenis kegunaan di lampiran 'A' sebagaimana Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Bilangan 6/1994.
- ii. Premium tanah kerajaan yang diberimilik kepada Agensi-Agensi atau Badan-Badan Berkanun Kerajaan Persekutuan dan Syarikat-syarikat milik Kerajaan Persekutuan, di mana sekiranya Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bukan pemohon atau bakal pemilik, hendaklah **tidak kurang daripada lapan puluh peratus (80%)** harga pasaran semasa kegunaan.
- iii. Premium yang dikenakan di para (i) dan para (ii) dikecualikan bagi tanah-tanah yang hanya diberikan hak penggunaan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk tujuan Kompleks Budaya atau


Pusat Kebudayaan, Tapak Akademi Seni dan Balai Seni Lukis merujuk perkara Bilangan 2.19 di lampiran A kepada Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Bilangan 6/1994 sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 13/2017 yang bersidang pada 21 Jun 2017 melalui Kertas Bil. 13/2017/D 13 (103) .

B) Harga Pasaran

- i. Nilai harga pasaran semasa bagi tanah kerajaan, di mana asalnya tanah milik tetapi telah diambil melalui Akta Pengambilan Tanah 1960 melalui perbelanjaan Persekutuan hendaklah ditetapkan seperti berikut:-
 - a. Tanah Pengambilan Balik tidak melebihi tempoh tiga (3) tahun daripada pendaftaran Borang 'K', Nilai Harga Pasaran dikira bersamaan kos pengambilan balik tanah tersebut dengan mengenakan kadar 15% daripada nilai kos pengambilan { contoh pengiraan perbezaan premium : $1\% \times (15\% \times \text{kos pengambilan}) \times 99 \text{ tahun}$ } atau mana-mana yang sewajarnya.
 - b. Pemberianmilikan tanah melebihi tiga tempoh (3) tahun daripada daftar Borang 'K', hendaklah Nilai Harga Pasaran Semasa bagi kegunaan tanah bangunan atau boleh dengan cara mengenakan kadar 25% sehingga 30% daripada nilai kos pengambilan { contoh pengiraan perbezaan premium : $1\% \times (25\% \text{ hingga } 30\% \times \text{kos pengambilan}) \times 99 \text{ tahun}$ } atau mana-mana yang sewajarnya.
- ii. Harga pasaran semasa dipara (i) diatas digunapakai untuk menentukan jumlah perbezaan premium yang melibatkan perubahan kategori kegunaan tanah atau perubahan harga semasa dari tarikh pewartaan dibawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Balik Tanah 1860 dengan tarikh didaftarkan hakmilik baru.

2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG Bil. 8/2017 dan kadar premium sebagaimana Pekeliling PTG 6/1994 adalah dibatalkan.

3. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.



.....
DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, D.P.S.K (Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB.Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB.Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB.Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB.Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBr. Ketua Penolong Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.
FAIL NO : PTG.KN.44/85 Jld.4(17)
BERTARIKH : 09 ZULKAEDAH 1438H
02 OGOS 2017**